

09/05/2001

GPMS kumpul jumlah pelajar gagal ke IPTA

KUALA LUMPUR, Selasa - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) sedang mengumpul maklumat mengenai jumlah pelajar Bumiputera yang gagal mendapat tempat di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan, walaupun mereka berkecukupan.

Presidennya, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata laporan itu akan dihantar kepada Kementerian Pendidikan secepat mungkin bagi membuktikan lebih ramai pelajar Bumiputera layak mengisi 7,168 kekosongan di IPTA yang dikhususkan untuk pelajar berkenaan.

Sehubungan itu, pelajar Bumiputera yang gagal mendapat tempat di IPTA boleh mengemukakan rayuan kepada sekretariat GPMS beserta salinan keputusan SPM dan dokumen pengenalan diri.

"Rayuan boleh dibuat sehingga akhir bulan ini dan dihantar kepada Sekretariat GPMS Kebangsaan, No 1, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur bagi tindakan lanjut," katanya pada sidang akhbar program Minggu Persediaan Pelajar Ke Universiti, di sini hari ini.

Beliau berkata, kuota pelajar di IPTA sedia ada tidak perlu ditambah atau dikurangkan kerana masih ada pelajar Bumiputera yang merayu kepada GPMS berikutan tidak mendapat tempat di IPTA tempatan.

"Pelajar Bumiputera perlu bersaing sesama mereka bagi merebut tempat di IPTA tanpa perlu menggugat kuota yang ditetapkan," katanya.

Justeru, kerajaan sewajarnya mengekalkan kuota pengambilan pelajar memasuki IPTA tempatan untuk Bumiputera dan bukan Bumiputera pada nisbah 55:45.

"Isu kuota pendidikan ini tidak sepatutnya dipolitikkan kerana ia akan menggugat keseimbangan sistem pendidikan negara," katanya.

Suhaimi berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan bercadang memberi kelonggaran kuota Bumiputera di IPTA tempatan untuk diisi pelajar bukan Bumiputera.

Ahad lalu, Perdana Menteri berkata, kerajaan mencadangkan sebarang kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA yang tidak dipenuhi, diberi kepada pelajar bukan Bumiputera yang layak.

(END)